

Newspaper	Mingguan Malaysia
Date	11 October 2015

Jadikan bersukan amalan hidup kita – Najib

SHAH ALAM 10 Okt - Datuk Sen Najib Tun Razak tidak mahu Hari Sukan Negara diraikan sebagai satu sambutan semata-mata sebaliknya perlu menjadi pencetus kepada budaya bersukan dalam kehidupan seharian setiap rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, amalan sedemikian mampu menjadikan mereka lebih sihat dan cergas sekah gus dapat menghindari daripada pelbagai jenis penyakit.

"Konsep Hari Sukan Negara ialah hari-hari kita bersukan. Kalau tidak dapat buat sejam sehari, buat setengah jam. Kalau tidak dapat setengah regangan otot pun tidak men-

gah." "Mari kita jadikan Hari Sukan Negara untuk mentransformasikan bersukan sebagai satu budaya dan cara hidup rakyat Malaysia.

"Jika begitu, bilangan yang hidup hipertensi, stres akan berkurangan. Yang terlahu banyak len lak (obesiti) juga akan berkurangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Sukan Negara di kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini hari ini. Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Naib Canselor UiTM, Profesor Tan Sri Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar.

Najib menambahkan apabila penduduk negara ini sudah mencapai tahap berbudaya sukan sebagai amalan seharian, maka untky menjadikan ramai jaguh sukan yajig hebat juga tidak mustahil tercapai.

Jika kita berbudaya sukan maka dengan sendirinya (mencari pengganti) terjawab apabila ribuan anak muda akan tampil sendiri untuk bertanding di peringkat tertinggi dunia."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Jelasnya, meskipun mampu melahirkan jaguh sukan dunia seperti Datuk Nicol David (skuasy) dan Datuk Lee Chong Wei (badminton) namun sehingga kini negara masih mencari pengganti kedua-duanya.

"Jika kita berbudaya sukan maka dengan sendirinya (mencari pengganti) terjawab apabila ribuan anak muda akan tampil sendiri untuk bertanding di peringkat tertinggi dunia ujanya.

Perdana Menteri membentahu, Malaysia diakui sebagai penganjur sukan dunia yang hebat tetapi dari segi keputusan pertandingan belum mampu mencapai kejayaan setaraf.

Sementara itu, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut bersama-sama lebih 5,000 hadirin melakukan aktiviti senaman diikuti acara berjalan sejauh dua lalometer.



KANAK-KANAK prasekolah menyertai pertandingan futsal sempena Hari Sukan Negara Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan di Dataran Putrajaya, semalam. Turut hadir Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor. - MINGGUAN/ZAKI AMIRUDDIN